

U B621 DEB  
MAHATHIR - ANGGOTA

1985

ALOR SETAR, 29 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGARAHKAN UMNO SUPAYA BUKAN SAHAJA Mencari ANGGOTA-ANGGOTA BARU TETAPI JUGA MENANAMKAN DALAM DIRI SETIAP ANGGOTANYA SEMANGAT PERJUANGAN PARTI ITU YANG SEBENAR UNTUK MENJAMIN KEUTUHANNYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA MAKNA Mendapatkan ANGGOTA BARU JIKA HANYA SEMATA-MATA DENGAN TUJUAN MEMBANYAKKAN BILANGANNYA.

KATANYA UMNO MEMERLUKAN ANGGOTA YANG BERSEMANGAT DAN KOMITED DENGAN PERJUANGAN PARTI.

+UMNO HARUS MENAMBAH ANGGOTA BARU DENGAN TUJUAN UNTUK BERJUANG MENJAGA KEPENTINGAN ORANG MELAYU, AGAMA DAN NEGARA+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM DIALOG DENGAN 500 ORANG PEMIMPIN UMNO KEDAH DI BANGUNAN TUNKU DI SINI SEMALAM.

KATANYA, TUJUAN BELIAU MELAWAT KE NEGERI-NEGERI SEKARANG BUKANLAH BERKAITAN DENGAN PILIHANRAYA SEMATA-MATA TETAPI UNTUK MENEMUI ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DENGAN LEBIH DEKAT DAN MENGETAHUI SENDIRI MASALAH YANG MEREKA HADAPI. -- LAGI.

1031MST 29 03 85

U B624 DEB  
MAHATHIR - ANGGOTA 2 ALOR SETAR

KATA BELIAU, UMNO MEMERLUKAN ANGGOTA-ANGGOTA YANG FAHAM DASAR PARTI DAN BUKAN +ANGGOTA-ANGGOTA IKUTAN YANG BOLEH DIBELI ATAU SANGGUP MENERIMA RASUAH DARIPADA GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU.+

KATANYA, BELIAU BIMBANG SEMANGAT ANGGOTA UMNO MENURUN SEKARANG JIKA DILIHAT DARIPADA KEHADIRAN MEREKA YANG TIDAK MEMUASKAN DALAM KURSUS ATAU PERJUMPAAN ANJURAN PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA BAHAWA UMNO HARUS MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKANNYA AGAR TIDAK DIKALAHKAN KERANA SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA SESEBUAH PARTI YANG KALAH SUSAH MENDAPATKAN SEMULA KUASANYA.

KATANYA, PAS BOLEH DIJADIKAN CONTOH KERANA SESUDAH KALAH DI KELANTAN, PARTI ITU MENDAPATI AMAT SUKAR UNTUK MENAWANNYA SEMULA.

BELIAU BERKATA BAHAWA SALAH SATU FAKTOR YANG MENYEBABKAN KEKALAHAN PAS IALAH PERPECAHAN DALAM PARTI ITU SENDIRI. - LAGI.

1047MST 29 03 85

MAHATHIR - ANGGOTA 3 ALOR SETAR

BELIAU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MEMBAKAR SEMULA SEMANGAT PERJUANGAN PARTI ITU SEPERTI DAHULU DAN MEMBELAKANGKAN SEGALA PERASAAN PERIBADI DEMI KEPENTINGAN ORANG MELAYU SELURUHNYA.

KATANYA UMNO SAHAJA YANG DAPAT MENJAGA KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN BUKAN PARTI PEMBANGKANG YANG LAIN SEPERTI PAS DAN PARTI SOSIALIS RAKYAT MALAYSIA (PSRM) KERANA UMNO BERSIKAP ADIL DAN SEDERHANA.

KEJAYAAN DAN KEMAMPUAN UMNO MEMERINTAH BEGITU LAMA IALAH KERANA SIFAT BERDISIPLIN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA YANG SENTIASA PATUH KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI, KATANYA. -- LAGI.

1048MST 29 03 85

MAHATHIR - ANGGOTA 4 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA BAHAWA SIKAP BERDISIPLIN DAN PATUH KEPADA KETUA PENTING KERANA KADANG-KALA BUKAN SEMUA PERKARA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN DAN PARTI DIRUNDINGKAN DENGAN SEMUA ANGGOTA ATAU PEMIMPIN. ADA KEPUTUSAN YANG MUNGKIN DIBINCANG OLEH BEBERAPA ORANG PEMIMPIN SAHAJA.

+TANPA KEPERCAYAAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KEPADA PEMIMPIN YANG DIPILIH, UMNO TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA DAN MENCAPI KEJAYAAN YANG DINIKMATI OLEH RAKYAT SEKARANG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI PEMILIHAN DALAM PARTI, BELIAU MENGINGATKAN SUPAYA PARA ANGGOTA UMNO TIDAK MEMILIH KETUA DARIPADA KALANGAN MEREKA YANG TERLALU IDEAL, SEBALIKNYA MEMADAI DENGAN SESAORANG YANG BOLEH MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SESEORANG YANG INGIN MENJADI PEMIMPIN TIDAK HARUS MENGGUNAKAN WANG UNTUK MEMBELI UNDI KERANA +JIKA KITA BOLEH MENGGUNAKAN WANG ORANG JUGA AKAN BERBUAT BEGITU.+ -- LAGI.

1107MST 29 03 85

MAHATHIR - ANGGOTA 5 ALOR SETAR

BELIAU BERPUAS HATI DENGAN KEADAAN POLITIK KEDAH KERANA TIDAK TIMBUL MASALAH APABILA BERLAKU PERUBAHAN PUCUK PIMPINAN BERUBAH EKORAN PERLETAKAN JAWATAN DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN SEBAGAI MENTERI BESAR DAN KETUA PEHUBUNGAN UMNO NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SEMUA ANGGOTA UMNO KEDAH MEMBERI SOKONGAN YANG SEPENUHNYA KEPADA MENTERI BESAR BARU, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF. -- BERNAMA.

1108MST 29 03 85

D220